

BAB 8

Peranan Dan Sumbangan Institusi Pendidikan MARA

MARA ialah sebuah organisasi yang penting dalam usaha membangunkan rakyat Malaysia khususnya masyarakat Bumiputera. Ini dapat dilihat melalui jumlah wang yang disalurkan melalui MARA untuk menjalankan projek-projek pembangunan dalam usaha meninggikan taraf hidup masyarakat Bumiputera. Belanja pembangunan (sebenar) MARA mengikut rancangan pembangunan lima tahun ialah RM228.3 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975); RM479.3 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980); RM1,201.4 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) dan RM1,333.6 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990).¹

Untuk mengukur kejayaan dan kegagalan MARA adalah sesuatu yang sukar untuk dinilai. Ini adalah kerana MARA ditubuhkan untuk memainkan peranan sebagai organisasi untuk mencapai matlamat sosial terutama Bahagian Pendidikan dan Latihan MARA. Bagaimanapun terdapat dua ukuran am dalam mengukur kejayaan dan kegagalan organisasi kerajaan iaitu ukuran kecekapan dan ukuran kekesanannya.²

Ukuran kecekapan menunjukkan samada perusahaan awam itu telah diurus dengan belanja optima. Perbelanjaan optima di sini dikaitkan dengan syarikat swasta

¹ Majlis Amanah Rakyat, *Wawasan 2020 Ke Mana Arah MARA?*, Ibu Pejabat MARA, hlm. 48.

² Raja Mohd Affendi, *op. cit*, hlm. 93.

dalam bidang perniagaan yang sama. Sekiranya belanja pentadbiran awam itu melebihi dari syarikat swasta, ini bermakna perusahaan awam itu tidak cekap. Jika belanja pentadbiran awam itu kurang dari syarikat swasta, ini bermakna perusahaan awam itu mencapai tujuan-tujuan yang telah ditugaskan kepada perusahaan awam itu. Ukuran kekesaan ini tidak semestinya dikaitkan dengan untung dan rugi kerana peranannya untuk mencapai matlamat sosial.

Dalam konteks kajian ini, peranan dan sumbangan MARA dinilai berdasarkan ukuran kedua iaitu ukuran kekesaan. Ini adalah kerana matlamat penubuhan MARA adalah berkaitan dengan tujuan sosial iaitu ingin membaiki taraf hidup masyarakat Bumiputera. Kajian ini melihat keberkesaan organisasi MARA berdasarkan pandangan sejarah iaitu lebih menekankan kepada sebab-musabab sesuatu peristiwa itu berlaku dan kesannya ke atas masyarakat. Jika dikaitkan dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.³

³ Untuk melihat daripada sudut sejarah, pengkaji akan membincangkan isu politik, ekonomi dan pendidikan kerana 3 aspek ini penting dari segi:

- i) Kemunduran orang Melayu dalam aspek ekonomi dan pendidikan kerana orang Melayu tidak diberi peluang oleh penjajah British malahan penjajah British mengalakkan orang Melayu hidup sekadar secukup hidup sahaja.
- ii) Atas kesedaran politik, Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan tumpuk pemerintahan telah dipegang oleh rakyat Tanah Melayu sendiri, sehubungan dengan itu, sejauhmanakah kerajaan berperanan memajukan orang Melayu dan masyarakat Bumiputera apabila diberi peluang memerintah. Salah satu usaha kerajaan ialah penubuhan MARA. Justeru itu, apakah MARA berjaya menrealisasikan perjuangan orang Melayu sebelum kemerdekaan dalam usaha meninggikan taraf hidup bangsa ibunda.
- iii) Walaupun MARA diberi amanah oleh kerajaan untuk memajukan orang Melayu, namun MARA terikat dengan dasar-dasar kerajaan seperti berusaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Berdasarkan matlamat DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, maka penekanan ialah untuk melihat peranan dan sumbangan MARA dalam aspek-aspek berikut:

- i) Menyediakan kemudahan biasiswa dan biasiswa pinjaman kepada masyarakat Bumiputera untuk melanjutkan pelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi.
- ii) Menyediakan latihan kemahiran kepada masyarakat Bumiputera untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan dalam perniagaan dan perusahaan.
- iii) Menwujudkan pekerjaan kepada masyarakat Bumiputera.
- iv) Memberi sumbangan kepada pembangunan kawasan yang kurang maju, misalnya melalui penubuhan MRSM dan IKM.
- v) Memberi sumbangan kepada pertambahan pendapatan kepada golongan miskin.
- vi) Memberi sumbangan kepada pergerakan mobiliti sosial kepada masyarakat Bumiputera melalui institusi pendidikannya.
- vii) Melahirkan jumlah kaum Bumiputera yang berkelayakan untuk memasuki berbagai-bagai bidang pekerjaan dan perusahaan.

Di samping penilaian ke atas aspek-aspek tersebut, perbincangan juga akan menyentuh organisasi MARA dari sudut:

- (i) Masalah yang dihadapi oleh MARA dalam membangunkan masyarakat Bumiputera khususnya dalam sektor pendidikan.
- (ii) Masalah hutang – piutang yang belum berbayar oleh anak-anak bantuan MARA khususnya melalui program pembiayaan pinjaman biasiswa.
- (iii) Matlamat MARA mencapai wawasan 2020 dan peranannya di alaf baru.
- (iv) Penglibatan tokoh-tokoh politik dalam MARA dan juga penglibatan lepasan pelajarnya sebagai pemimpin masyarakat.

Penekanan kepada aspek di atas amat penting kerana melalui bantuan dan pertolongan MARA, masyarakat Bumiputera dapat mengubah taraf hidup mereka dari dibelenggu kemiskinan kepada taraf hidup yang lebih baik.

Untuk melihat sumbangan dan peranan MARA dalam membantu masyarakat Bumiputera dalam pendidikan tinggi terutama dalam pemberian biasiswa dan biasiswa pinjaman, eloklah dibandingkan pemberian biasiswa di zaman penjajahan dan zaman tertubuhnya MARA. Perbandingan ini amat penting kerana di zaman penjajahan British, pendidikan orang Melayu dan masyarakat Bumiputera lainnya diabaikan oleh pihak penjajah. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, usaha-usaha telah dibuat untuk memberi pendidikan kepada masyarakat Bumiputera. Usaha-usaha yang tegas membantu masyarakat Bumiputera dalam pendidikan ini berlaku kerana tampuk pemerintahan telah dipegang oleh kerajaan yang merdeka dan bebas dari belenggu penjajah.

Semenjak penubuhannya, MARA berjaya menaja seramai 44,055 orang pelajar yang mengikuti pelbagai bidang pengajian dan mereka ini merupakan bekalan gunatenaga dalam bidang pengurusan, teknikal dan profesional yang terpenting kepada pembangunan negara. Di zaman penjajah, British hanya memberi biasiswa kepada 321 pelajar Melayu sahaja dalam tempoh 1946-1952. Di masa RIDA hanya 39 biasiswa diberikan kepada pelajar-pelajar Bumiputera. Bagaimanapun pemberian biasiswa kepada pelajar Bumiputera telah berubah apabila MARA ditubuhkan pada tahun 1965.⁴

⁴ *Review of The First Malaysian Plan*, BK/MARA 12.

Pemberian yang amat besar ini menunjukkan bahawa MARA telah berjaya merealisasikan perjuangan orang Melayu sebelum kemerdekaan yang inginkan orang Melayu mengejar pendidikan. Selain itu MARA telah berjaya menuaikan amanah Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama kepadanya supaya meramaikan golongan Bumiputera dalam bidang iktisas dan profesional. Sesungguhnya, dengan terbentuknya MARA, maka orang Melayu tidak lagi diabaikan dalam pendidikan, malahan dari semasa ke semasa, MARA akan berusaha membuka peluang kepada masyarakat Bumiputera untuk maju dalam pendidikan. Berekak mengenai kejayaan MARA dalam penganjuran Pendidikan, Tan Sri Ishak Tadim menjelaskan:

“Jika ditoleh ke belakang semula, kejayaan terbesar MARA bukanlah dalam perdagangan dan perindustrian, bidang yang paling MARA berjaya majukan ialah pelajaran dan latihan kemahiran orang Melayu”.⁵

Tambah beliau lagi :

“Dalam setiap keluarga Melayu hari ini akan ada di kalangan mereka yang berjaya kerana jasa-jasa MARA dalam pelajaran. Melalui bantuan biasiswa, pinjaman dan latihan yang disediakan oleh MARA, sebuah masyarakat Melayu terpelajar telah muncul hari ini”.⁶

⁵ *Utusan Malaysia*, 16 November 1991.

⁶ *Ibid.* Kenyataan Tan Sri Ishak Tadim amat diakui oleh Puan Faizah Abu Bakar iaitu bekas pelajar MRSM Kuantan yang kini pensyarah di Kolej Profesional MARA Beranang. Mengikut Pn.Faizah, beliau amat berterima kasih kepada MARA kerana memberi peluang kepadanya belajar di MRSM Kuantan dan menajanya ke Iowa State University. Temubual dengan Pn.Faizah Abu Bakar pada 6 Jun 2002.

murid sekolah rendah dan menengah.¹⁰ Atas hakikat ini, MARA sebagai pembimbing kemajuan masyarakat Bumiputera telah menolak dan tidak membenarkan kepercayaan itu sampai menjadi halangan kepada kemajuan masyarakat Bumiputera. Justeru itu, MARA telah menubuhkan Maktab Rendah Sains MARA. Melalui MRSM, MARA berjaya mengubah sejarah pendidikan negara. Bumiputera akhirnya berjaya menguasai bidang sains dan teknologi yang sebelum ini dianggap sukar dikuasai dan hanya dianggap milik kaum tertentu sahaja.

Untuk membuktikan bahawa pelajar Bumiputera boleh maju setanding dengan pelajar dari kaum lain dalam bidang sains dan teknologi, MARA membina MRSM yang pertama di Seremban pada tahun 1971 dan diikuti oleh MRSM Kota Bharu pada tahun 1973 dan seterusnya MRSM Kuantan pada tahun 1974. MARA mengiatkan lagi penubuhan MRSM apabila MARA kehilangan anak emasnya 'Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1976. Kehilangan ITM daripada pentadbiran MARA kerana MARA tidak dibenarkan menyediakan pendidikan peringkat universiti dan selepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).¹¹ Ini bermakna "pusat MARA" untuk menghasilkan teknokrat Bumiputera turut terjejas.

Sejak kehilangan ITM, MARA terpaksa mencari pilihan-pilihan lain kerana tanggungjawab terhadap rakyat tidak terlepas dengan perpindahan ITM ke Kementerian

¹⁰ Susean Hussin, *Pendidikan Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 109.

¹¹ *Utusan Malaysia*, 3 Oktober 1994.

Pendidikan. Dalam hal ini, pada tahun 1994, Pengurus MARA, Datuk Nazri Tan Sri menjelaskan;

“Setelah ITM dipindahkan ke Kementerian Pendidikan, MARA terus merancang pendekatan lain untuk melahirkan para teknokrat negara dari kalangan Bumiputera. Pendekatan utama yang diambil ialah dengan menyediakan seberapa banyak calon untuk disalurkan ke institut pengajian tinggi”.¹²

Untuk mencapai matlamat itu, MARA telah menujuhkan lebih banyak MRSM di seluruh negara. Pelajar-pelajar yang cemerlang disalurkan ke MRSM dan mereka diberi bantuan serta bimbingan sewajarnya untuk menjadikan mereka lebih berjaya dan cemerlang. Justeru itu, dalam tempoh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, MARA telah membina sebanyak 11 buah MRSM dengan seramai 24,820 orang pelajar dan dari jumlah itu seramai 22,039 pelajar telah menamatkan pengajian mereka di MRSM.

Pengukuran kejayaan MRSM boleh dilihat melalui pencapaian akademiknya dan juga kerjaya yang diterokai oleh lepasan pelajarnya. Keputusan peperiksaan SPM/MCE pelajar-pelajar MRSM amat membanggakan. Pencapaian 100% dalam peperiksaan SPM menunjukkan bahawa masyarakat Bumiputera boleh berjaya jika diberi peluang. Kejayaan cemerlang pelajar-pelajar MRSM mengesahkan lagi laporan Jawatankuasa Kajian Keciciran (1973). Jawatankuasa Kajian Keciciran (1973) berpendapat bahawa kegagalan dalam bidang akademik berkait rapat dengan ketidakberuntungan keluarga

¹² *Ibid.*

murid, infrastruktur sekolah dan sikap murid terhadap akademik.¹³ Lantaran itu, MARA telah menubuhkan MRSM sebagai sebuah sekolah berasrama penuh yang dilengkapi dengan segala kemudahan dan keutamaan kepada pelajar yang datangnya dari keluarga yang tidak beruntung. Hasil usaha MARA ini ialah pencapaian 100% dalam peperiksaan. Maka dapatlah dinyatakan bahawa faktor keturunan bukan faktor mutlak untuk menguasai bidang-bidang tertentu sebagaimana yang didakwa pada zaman 1960-an.¹⁴ Pada umumnya, lepasan pelajar MRSM berjaya menghasilkan golongan teknokrat ikhtisas dan separuh ikhtisas Bumiputera bagi mengisi keperluan tenaga kerja dalam sektor ekonomi dan sosial samada dalam badan-badan kerajaan maupun swasta, di bandar ataupun luar bandar. Dapatlah dikatakan lepasan MRSM telah berjaya mendokong semangat pembangunan masyarakat Bumiputera seperti yang dihasratkan oleh Dasar Ekonomi Baru. Lantaran kerjayanya, dapatlah dikatakan bahawa MRSM mempunyai

¹³ Sufian Hussin, *op. cit.* hlm. 109.

¹⁴ Lanjutan daripada penemuan Jawatankuasa Kajian Keciciran (1973), maka Kementerian Pendidikan telah juga mengadakan beberapa langkah untuk memperbaiki masalah keciciran pada peringkat negara. Di antara langkah yang diambil ialah Skim Pinjaman Buku Teks, Rancangan Sekolah Bercantum bagi sekolah kecil diluar bandar, Rancangan Amalan Makanan dan Pernakanan, Bantuan Perpustakaan, Biasiswa Kecil dan bantuan Wang Saku dan membina asrama di sekolah-sekolah besar di luar bandar bagi menempatkan murid-murid miskin diluar bandar. Kesan langkah-langkah di atas telah berjaya mengurangkan masalah keciciran, misalnya pada tahun 1970; peratus keciciran diseckoah-sekolah rendah ialah 16% dan sekolah menengah rendah ialah 57%. Pada tahun 1980, keciciran murid sekolah rendah ialah 65 dan sekolah menengah rendah ialah 20%. Oleh itu, dapatlah dilihat bahawa peningkatan kualiti perkhidmatan pendidikan mendatangkan kesan yang positif yang lebih besar pada peringkat sekolah rendah berbanding sekolah menengah rendah. Bagaimanapun secara keseluruhan peratusan keciciran semakin menurun apabila adanya usaha-usaha kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan dalam membantu keluarga yang tidak beruntung dan memperlengkapkan kemudahan pembelajaran di sekolah. Lihat Susean Hussin, *op. cit.* hlm. 109.

trade mark yang khusus bagi masyarakat Bumiputera mencapai taraf pendidikan mereka.¹⁵

Kajian yang dibuat oleh pihak MARA sendiri menunjukkan bahawa lepasan pelajar MRSM telah berjaya menerokai pelbagai bidang kerjaya dan memperolehi pendapatan yang jauh lebih besar daripada ibubapa mereka. Jadual 82 menunjukkan kejayaan beberapa lepasan pelajar MRSM.

Berdasarkan jadual 82, kebanyakan lepasan pelajar MRSM memperolehi pendapatan yang jauh lebih besar daripada keluarga mereka, misalnya Mohd. Apandi Ali, bekas pelajar MRSM Kota Bharu, beliau memperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM12,000.00 sebulan berbanding dengan bapanya yang cuma berpendapatan RM200.00 sebulan. Perbezaan pendapatan yang amat ketara ini menunjukkan amat besar jasa MARA membantu masyarakat Bumiputera dan sekaligus menghapuskan masalah kemiskinan melalui bantuan pendidikan. Dalam jadual 82 juga, kita bukan setakat melihat perbezaan pendapatan yang amat ketara antara bapa dan anaknya tetapi juga perbezaan dari segi kerjaya. Kebanyakan bapa bekerja sebagai buruh, pemandu, bekerja sendiri dan juga sebagai peniaga kecil. Bagaimanapun setelah anaknya keluar dari MRSM dan berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat universiti. Kebanyakan anak

¹⁵ Setiap tahun ibubapa mengharapkan anaknya yang cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dapat melanjutkan pelajarannya ke MRSM. Pada tahun 1999, seramai 4,975 pelajarnya telah terpilih ke MRSM di seluruh negara. Menurut Pengarah Hal Ehwal Korporat MARA, Mariam Abdul Majid, pemilihan pelajar tingkatan satu dibuat berdasarkan keputusan cemerlang 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) serta latarbelakang keluarga berpendapatan kurang dari RM700.00. Pemilihan pelajar ke tingkatan empat pula dibuat berdasarkan Ujian Khas Kemasukan MRSM (UKKM) dan status sosio ekonomi pelajar di samping keputusan 6A dalam penilaian Menengah Rendah, termasuk Peringkat A bagi matapelajaran Matematik dan Sains.

mereka telah dalam bidang profesional seperti jurutera, doktor, pensyarah dan juga ahli korporat. Kalau dibandingkan dengan matlamat pendidikan di zaman penjajah, MARA amat berjaya. Di zaman penjajah, anak-anak Melayu diajar melalui sistem pendidikannya hanya untuk menjadi petani dan nelayan yang lebih baik sedikit daripada bapanya.

Jadual 82
Pelajar MRSM Yang Berjaya

Nama Pelajar	MRSM	Pekerjaan bapa	Pendapatan Bulanan bapa	Pekerjaan Pelajar	Pendapatan Bulanan Pelajar	Sessi Pengajian
1. Zabidi Azhar b Hussin	Kota Bharu	Permandu	RM240.00	Doktor	RM4000.00	1974-1978
2. Fairuz bt Marsidi	Kota Bharu	Polis	RM400.00	Sistem Analis	RM4000.00	1974-1978
3. Kadisrisman Sarajol	Kota Bharu	Bekerja Sendiri	RM150.00	Jurutera	RM3500.00	1974-1978
4. Naiimata bt Ismail	Kota Bharu	Bekerja Sendiri	RM150.00	Doktor	RM2000.00	1976-1980
5. Maheran bt Mustafa	Kota Bharu	Pesara	RM300.00	Doktor	RM4782.00	1976-1980
6. Hanidullah Ab. Rahman	Kuala Berang	Peniaga	RM450.00	Peniaga	RM2000.00	1987-1989
7. Rosliza bt Md Said	Kuala Berang	Peniaga	RM450.00	Guru	RM1025.00	1987-1989
8. Alias b. Adam	Kota Bharu	Buruh	RM200.00	Jurutera	RM3500.00	1973-1977
9. Mohd Apandi Mohamad	Kota Bharu	Penjaja	RM200.00	Executive Chairman	RM12000.00	1973-1977
10. Mukarrammah Che Ayob	Kota Bharu	Tukang Jahit	RM150.00	Doktor	RM4700.00	1974-1978
11. Abdul Fatah Ab. Rahman	Kota Bharu	Guru Agama	RM350.00	Pensyarah	RM3000.00	1974-1978
12. Abdullah b. Mohd Zain	Kota Bharu	Bekerja Sendiri	RM150.00	Pensyarah	RM4000.00	1974-1978

Sumber: MARA: The New Economic Policy 1971-1990

Berbanding dengan MARA, MARA bukan setakat berjaya mengubah masyarakat Bumiputera kepada keadaan pendidikan yang lebih baik, malahan berjaya mencetuskan kerjaya baru kepada anak-anak Bumiputera. Justeru itu, jasa MARA adalah berjaya memobililitkan secara menegak jumlah tertentu anak Bumiputera.

Pelajar-pelajar MRSM dipilih dari mereka yang cemerlang, manakala bagi mereka yang tidak cemerlang dalam akademik tetap mendapat perhatian dan tempat. Untuk golongan ini, MARA menyediakan Institut Kemahiran MARA dan Pusat Giat MARA yang menyediakan pelbagai kursus kemahiran. Program IKM dan Pusat Giat MARA diwujudkan sebagai satu usaha ke arah menyumbangkan bekalan tenaga mahir dan separa mahir yang diperlu oleh negara. Memandangkan tumpuan negara lebih utama dalam bidang pembangunan perindustrian, peranan MARA menjadi lebih utama dan penting dalam menyediakan bekalan gunatenaga dan juga melatih bakal-bakal usahawan.

Program latihan kemahiran MARA mula diwujudkan pada tahun 1968 melalui penubuhan Institut Kemahiran MARA yang pertama di Kuala Lumpur. Sehingga 1990, terdapat sembilan buah IKM beroperasi di seluruh negara. Dalam tempoh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, MARA telah melatih sejumlah 38,300 orang yang mengikuti latihan dalam institut dan seramai 8,000 pelatih telah dilatih di luar institut. Melalui Pusat Giat pula, MARA berjaya melatih lebih kurang 7,000 pelatih.

Sesungguhnya, MARA telah berjaya meningkatkan pendapatan masyarakat Bumiputera dan menyediakan peluang pekerjaan melalui program latihan anjuran IKM dan Pusat Giat MARA. Sumbangan bermakna IKM dan Pusat Giat MARA dapat dilihat melalui kejayaan lepasannya menjalankan perniagaan sendiri. Menteri Perusahaan Awam, Dato Dr. Yusuf Noor menjelaskan pada tahun 1991 seperti berikut:

“Setelah saya teliti, saya dapat bahawa kejayaan paling besar ialah jumlah usahawan yang telah dikeluarkan oleh beberapa skim menerusi MARA. Jumlah yang dihasilkan oleh MARA sebenarnya lebih 200,000 orang termasuk yang dikeluarkan oleh MARA secara langsung, misalnya bagi mereka yang mengikuti kursus di Pusat Giat MARA, ada yang berjaya menjadi majikan kepada orang lain..... Begitu juga IKM, mereka masuk IKM untuk mencari kemahiran tetapi setelah keluar, ada yang menjadi majikan yang menyediakan pekerjaan dan seterusnya memberi latihan kepada Bumiputera yang lain”.¹⁶

Kenyataan Menteri Perusahaan Awam, Dato’ Dr. Yusuf Noor dapat dilihat daripada kejayaan lepasan IKM dan Pusat Giat MARA menubuhkan syarikat mereka sendiri dan ada di kalangan mereka telah menjadi majikan yang berjaya. Jadual 83 menunjukkan senarai nama lepasan Pusat Giat MARA yang berjaya menjadi usahawan.

¹⁶ *Utusan Malaysia*, 16.11.1991.

Jadual 83
Lepasan Pusat Giat MARA

Nama	Syarikat	Alamat Perniagaan	Lepasan Pusat Giat
Badrul Sham Zaharin	Badrul Sham Zaharin	Kampung Permatang Pasir, 71150, Linggi, Negeri Sembilan	PGM Linggi
Siti Aida bt. Alwi	Aida dan Keluarga Enterprise	Kampung Sungai Raya, 71250 Pasir Panjang, Negeri Sembilan.	PGM Linggi
Yusuf bin Hashim	Yusuf Bina Urus	11-071, Desa Mawar 1, Muadzam Shah, Pahang.	PGM Muadzam Shah
Rosli Osman	Rosli Osman	64. Kampung Sungai Karang, 26100 Baserah, Pahang.	PGM Muadzam Shah
Suhaimi bin Kadir	Bengkel Motosikal	No. 8. Kedai MARA, 26400 Jengka Pahang.	PGM Jengka.

Sumber: MARA, *The New Economic Policy 1971-1990*, hlm. 80.

Di samping kejayaan lepasan Pusat Giat MARA menjadi usahawan, Pusat Giat MARA juga telah menempa beberapa kejayaan di peringkat kebangsaan dan mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.¹⁷ Antara kejayaan dan anugerah yang diterima oleh Pusat Giat MARA semenjak penubuhannya hingga ke hari ini ialah:

¹⁷ Kajian Program Giat MARA untuk Kementerian Pembangunan Usahawan, Universiti Utara Malaysia, 1997, hlm. 17.

1. Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 1992
2. Anugerah Inovasi Khas Unit Penyelaras Dan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri 1995 bagi projek teknologi Bumiputera.
3. Pemegang pertama pertandingan Johan Kemahiran Kebangsaan 1993.
4. Mewakili Malaysia dalam projek Asian-Jepun melalui program Bangsa-Bangsa Bersatu UNHCR.
5. Pelatih Pusat Giat MARA telah dipilih untuk mewakili negara Malaysia dalam pertandingan:
 - a. Internasional Youth Skill Olympics pada tahun 1995 di Lyon, Perancis.
 - b. International Youth Skill Olympics pada tahun 1996 di St. Gallen, Switzerland
 - c. Asean Skill Complettion di Manila semenjak tahun 1995 hingga 1999
6. Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri bagi kategori Johan Keseluruhan pertandingan kemahiran kebangsaan dan sebagai institusi latihan kemahiran yang terbaik bagi tahun 1995 dan 1996.
7. Di pilih oleh Kabinet untuk melatih 96 orang pelatih Namibia selama 6 bulan di bidang teknologi bangunan.

Lepasan IKM juga menempa kejayaan cemerlang mereka menjadi usahawan yang berjaya. Lepasan IKM ini bukan setakat berjaya dalam bidang usahawan malah berjaya menyambung tugas MARA secara tak langsung melatih anak-anak Bumiputera yang lain dalam bidang kemahiran. Jadual 84 menunjukkan lepasan pelatih IKM yang berjaya menjalankan perniagaan sendiri dan juga berjaya melatih rakan-rakannya membuka jenis perniagaan yang sama.

Berdasarkan jadual 84, lepasan IKM Sungai Petani, Kedah iaitu En. Abdul Rahman Mat¹⁸ telah berjaya membuka kedai jahitan kusyen. Beliau telah berjaya dalam bidang perniagaannya kerana mendapat asuhan dan perhatian dari IKM Sungai Petani. Oleh kerana perniagaannya semakin maju, beliau telah mengambil dua orang pekerja iaitu En. Abdul Manaf Ibrahim dan Mohd. Alwi Hussein. Kedua-dua pekerjanya menjadi mahir dan membuka kedai jahitan kusyen di tempat lain. Kedua-dua bekas pekerjanya Abdul Manaf Ibrahim membuka kedai jahitan kusyen di Machang, Kelantan dan Alwi Hussein di Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Apa yang menarik dalam jadual 84 ialah kejayaan MARA malatih anak-anak Bumiputera dalam bidang kemahiran dan anak-anak Bumiputera yang telah menerima latihan kemahiran mengembangkan pula kemahirannya kepada rakan-rakan dan keluarganya. Hasil didikan kemahiran ini, ramai di kalangan anak-anak Bumiputera yang berjaya membuka perniagaan, malahan mendapat pendapatan yang lumayan sebagaimana dibuktikan oleh Abdul Manaf bin Ibrahim¹⁹ dan Mohd Alwi bin Hussein.²⁰ Kedua-dua peniaga hasil tindakan lepasan IKM ini merupakan salah satu contoh yang membuktikan bahawa masyarakat Bumiputera boleh berdikari jika sekiranya diberi latihan dan bimbingan yang cukup.

¹⁸ Temubual dengan En. Abdul Rahman Mat pada 1 Mac 2000, beliau ialah lepasan IKM Sungai Petani pada tahun 1978. Kursus yang diambil oleh beliau ialah dalam kursus jahitan kusyen.

¹⁹ Semasa temubual, En. Abdul Manaf menjelaskan, "beliau mengambil nama Man Kusyen sebagai tandanama perniagaan kerana Man Kusyen telah terkenal di kawasan Kota Bharu dan ramai pelanggannya di Negeri Kelantan. Oleh kerana saya pernah mendapat latihan di kedai Man Kusyen, maka nama itu adalah sebatи dengan jiwa saya. Dengan pengambilan tandanama perniagaan Man Kusyen, maka tidak susah untuk satya mencari rezeki!" Temubual diadakan pada 5 Mac 2000.

²⁰ Semasa temubual, En. Alwi menjelaskan "pada permulaan perniagaan, saya takut untuk menghadapi cabaran perniagaan walaupun saya cukup yakin dengan kebolehan saya. Lama-kelamaan, saya dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaan, tambahan lagi saya didorong oleh bekas majikan saya iaitu En. Abdul Rahman Mat. Masalah utama perniagaan kusyen ialah untuk mendapatkan bekalan jahitan seperti kain, kulit dan alatan jahitan. Bagaimanapun semua ini dapat diatasi kerana kami mempunyai rangkain perniagaan yang luas terutama peniaga-peniaga barang kulit dari Thailand." Temubual dengan En. Alwi diadakan pada 10 Mac 2000.

Jadual 84
Lepasan IKM Dan Syarikat Tindikan

Nama	Kelulusan	Lepasan IKM/Tindikan	Syarikat Induk	Syarikat Tindikan	Pendapatan Bulanan	Catatan
Abdul Rahman Mat	SPM	IKM/Sungai Petani	Man Kusyen Wakaf Bharu		RM1800	Kursus Jahitan Kusyen
Abdul Manaf Ibrahim	SRP	Tindikan	-	Man Kusyen Machang	RM1500	Bekas Pekerja Man Kusyen
Mohd Nawi Hussein	SRP	Tindikan	-	Man Kusyen Machang	RM1500	Bekas Pekerja Man Kusyen
Zaidi Rashid	Darjah 6	Tindikan	Man Kusyen Cbg. Kota Bharu			
Zamri Rashid	SRP	Tindikan	Tindikan		RM800	Pekerja di Wakaf Che Yeh Kusyen

Sumber: Diolah Berdasarkan Temubual Dengan En. Abdul Rahman Mat.

MARA juga menubuhkan cawangan pelajaran komersil yang dikenali sebagai Institut Perdagangan MARA atau IPM. IPM ditubuhkan khusus sebagai pilihan persediaan untuk bekerja bagi pelajar-pelajar yang telah lulus SPM. Tujuan program ini diwujudkan ialah untuk membantu menambah bilangan gunatenaga Bumiputera terlatih di peringkat pengurusan pertengahan khususnya dalam bidang perdagangan dan komputer. Dalam tempoh 1970-1990, seramai 3,300 orang telah mengikuti pendidikan di peringkat ini dan sebahagian besar mereka terus mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat swasta.

Jadual 85 menunjukkan senarai nama-nama lepasan IPM yang berjaya. Berdasarkan jadual 85, bekas pelajar IPM juga menunjukkan kecemerlangan dalam aspek pekerjaan, misalnya Sheikh Jamal bin Sheikh Mohammad; sebelum memasuki IPM, beliau bekerja sebagai pelayan pejabat dengan gaji bulanan sebanyak RM300. Setelah tamat pengajian di IPM dengan memiliki Diploma NCC, beliau berjaya memegang jawatan sebagai Pengarah di Ace Comunication Sdn. Bhd. dengan gaji bulanan sebanyak RM5000.00. Kejayaan juga dikecapi oleh Abdul Jamil Hashim dan Jasmin Nayan. Abdul Jamil Hashim sebelum memasuki IPM bekerja sebagai Kerani Am dengan gaji bulanan sebanyak RM150.00 dan telah tamat dari IPM dan memiliki Diploma NCC, beliau telah memperolehi gaji sebanyak RM3000.00 sebulan sebagai 'System Analyst'. Jasmin Nayan pula memperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM 5000.00 sebulan sebagai '*Manager Information*' setelah memiliki Diploma NCC dari IPM pada tahun 1984.

Intipati dalam jadual 85 menunjukkan kejayaan MARA menubuhkan IPM sebagai pembekal tenaga kerja peringkat pertengahan kepada sektor swasta dalam jangkamasa pendek iaitu mengambil masa 1-2 tahun. Kursus yang ditawarkan oleh IPM seperti Diploma LCCI dan Diploma NCC begitu sesuai dan seiring dengan kehendak pihak swasta. Kejayaan bekas pelajar IPM dalam jadual 4 menunjukkan keupayaan MARA menyediakan kursus separa profesional kepada masyarakat Bumiputera.

Sumber: Diolah Berdasarkan Maklumat Yang Diperolehi Dalam MARA, *The New Economic Policy, 1971-1990*

Profile Bekas Pelajar IPM Yang Berjaya

Jadual 85

Nama	Kelulusan	Pekerjaan Dulu	Gaji Sebulan	Tahun Masuk	Tahun Tamat	Kursus Di IPM	Jawatan Baru	Bidang Tugas	Gaji Bulanan	Majikan Baru
S. Jamal Bin Sheikh Mohammad	SPM (1981) Gred 3	Office Boy	RM300.00	1982	1983	Diploma NCC	Pengarah	Jual Solution Intergrator	RM5,000.00	ACE Communication Sdn. Bhd.
Normah bt Hashim	SPM (1982) Gred 2	-	-	1984	1986	Diploma LCCI	Account Officer	Akaun Harian	RM1,500.00	Arab Malaysian Merchant Bank
Nor Fauziah Mohd Nasir	SPM (1977) Gred 3	-	-	1979	1980	Sijil LCCC	System Accountant	Report and Management	RM2,500.00	Arab Malaysian Merchant Bank
Abdul Jamil Bin Hasim	SPM (1980) Gred 2	Kerani Am	RM150.00	Feb 1983	Dec 1983	Diploma NCC	System Analyst	Designer New System	RM3,000.00	United Merchant Finance Bhd.
Jasmin Bin Nayang	SPM (1980) Gred 3	Kerani Bank	RM500.00	Jun 1983	Dec 1984	Diploma NCC	Manager Information	Pengurusran	RM5,000.00	Goof Year Malaysia Bhd.

Daripada perbincangan yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan MARA memainkan peranan dalam meninggikan masyarakat Bumiputera dan berjaya memberi latihan kemahiran kepada anak-anak Bumiputera yang tidak cemerlang dalam bidang akademik. Dari segi matlamat organisasi, MARA dikatakan dapat menebus maruah bangsa dalam pendidikan setelah sekian lama diketepikan oleh penjajah British. Pendidikan yang diberikan kepada orang Melayu di zaman penjajah British tidak memberi apa-apa mobiliti sosial kecuali mereka yang terpilih untuk memasuki MCKK dan MPSI.²¹ Kurikulum yang disediakan adalah usaha yang secara tidak langsung bertujuan untuk membekukan orang Melayu dengan cara mengekalkan mereka dalam lingkungan kekampungan, jauh dari cabaran aktiviti ekonomi.

Selepas Kemerdekaan, orang Melayu khususnya mulai membincangkan tentang pendidikan. Ini kerana melalui pendidikan atau pelajaran adalah satu-satunya alat terakhir untuk menebus semula kedudukan mereka yang tertindas dari segi ekonomi.²² Dengan tertubuhnya MARA, MARA telah dapat membantu masyarakat Bumiputera menerima pendidikan sempurna dan sekaligus dapat mengurangkan kemiskinan, dengan kata lain telah wujud mobiliti sosial dari bawah ke atas menerusi pendidikan. Kejayaan MARA mengubah nasib masyarakat Bumiputera telah menarik Tan Sri Ishak Tadim mengimbah kembali kenangannya bersama MARA, kata beliau;

²¹ Haris Mohd, Jadi, *op. cit*, hlm. 12.

²² Mahathir Mohamad, *Warisan Kepimpinan*, Firma Malaysia Publishing, Kuala Lumpur, 1980 hlm. 198.

"Ketika MARA mula-mula mengadakan sekolah latihan dan pinjaman pelajaran, saya masih ingat pelajar-pelajar yang datang ke MARA ketika itu kebanyakannya Cuma pakai selipar Jepun dan tidak ada berus gigi, hasil bantuan MARA, mereka memegang jawatan tinggi dalam sektor awam dan Swasta, mentadbir syarikat-syarikat gergasi dan ada di antara mereka telah menjadi pemimpin politik".²³

Dalam usaha melihat sejauhmanakah sumbangan MARA ke atas pembangunan negara khususnya dalam sektor pendidikan dan latihan kemahiran, maka adalah wajar dilihat MARA dalam kancah perkembangan semasa negara. Ini adalah kerana MARA adalah badan penggenap kepada pembangunan negara. Sebagai badan penggenap kepada pembangunan negara, tugas MARA adalah menutupi kegagalan dan kepincangan kerajaan melaksanakan dasar-dasar negara khususnya mengenai kepentingan ekonomi, pendidikan dan sosial masyarakat Bumiputera.

Menyentuh perkembangan pendidikan dalam tahun 1960-an, terdapat kepincangan yang amat besar yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, misalnya dalam aspek pemberian biasiswa oleh kerajaan. Pemberian biasiswa kerajaan pada tahun 1956-1966 di Semenanjung Malaysia ialah 49% untuk orang Melayu dan 51% untuk bukan Melayu. Perlu diingat bahawa dasar kerajaan pada masa itu ialah memberi biasiswa kepada 75% kepada orang Melayu dan 25% kepada bukan Melayu.²⁴ Kepincangan pihak

²³ Utusan Malaysia, 16.11.1998.

²⁴ Zainal Abidin Wahid, *Malaysia, Warisan dan Perkembangan*, hlm. 391.

kerajaan dalam sistem pendidikan negara juga dapat dilihat dalam perancangan dan pembangunan pendidikan. Konsep yang dipakai oleh kerajaan dalam perancangan dan pembangunan pendidikan dalam tahun-tahun 1960-an ialah berorientasikan standardisasi dan pengukuhan sistem. Ini bermakna semua kaum disamakan kemudahan dan bukannya mengimbangkan kadar penerima-penerima kemudahan itu dari segi Bumiputera dan bukan Bumiputera.²⁵ Umumnya pada tahun 1960-an, secara rasmi orang segan menyebut ketidakseimbangan antara kaum. Perangkaan rasmi pendidikan tidak diberi pecahan mengikut kaum-kaum.²⁶

Kegagalan pihak kerajaan ini memberi kesedaran baru kepada pemimpin politik. Justeru itu, wujudlah Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama membincangkan sebab-sebab kegagalan pihak kerajaan melaksanakan dasar membangunkan masyarakat Bumiputera dan mencari jalan keluar menyelesaikan masalah Bumiputera, khususnya dalam sektor pendidikan. Lanjutan daripada itu, terbentuklah MARA untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Bumiputera khususnya dalam sektor pendidikan.

Usaha MARA terbantut dalam membanyakkan golongan profesional Bumiputera kerana terdapat kekeliruan mengenai perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Ini kerana di peringkat institusi pengajian tinggi, peluang anak-anak Bumiputera, khususnya yang datang dari aliran Melayu amat terhad. Sebagai contoh, di Universiti Malaya, cuma

²⁵ Awang Had Salleh, *Pendidikan dalam Pemikiran*, hlm. 28.

²⁶ *Ibid.* hlm. 28.

Jabatan Sejarah sahaja yang menawarkan kursus dalam bahasa Melayu dan kursus lain semuanya diajar dalam bahasa Inggeris. Jadi pelajar aliran Melayu bukan sahaja menghadapai masalah bahasa tetapi juga pilihan kursus. Perangkaan menunjukkan tiap-tiap 10,000 pelajar aliran Melayu yang memasuki darjah satu, cuma tiga yang sampai di universiti, tetapi tiap-tiap 10,000 pelajar aliran Inggeris yang memasuki darjah satu, 250 berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.²⁷ Masalah Bumiputera ini tidak dapat diselesaikan oleh MARA walaupun ITM dibuka khusus kepada masyarakat Bumiputera. Ini kerana pada tahun 60-an, ITM juga menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantar. Masalah bahasa ini menyebabkan negara kerugian tenaga dari kalangan anak-anak Bumiputera.

Usaha MARA untuk mengimbangi golongan profesional dan separa profesional telah mendapat saingan daripada kaum Bumiputera. Suasana ini boleh dilihat pada tahun 1960-an. Persaingan ini muncul kerana didesak oleh perasaan tidak selamat dari segi psikologi. Keadaan ini boleh dibuktikan apabila ITM mengiatkan usaha pengambilan pelajar dengan pesat. Dalam tahun 1966, jumlah pelajarnya ialah 551, jumlah ini menjadi 2,366 dalam tahun 1968 dan 3,517 dalam tahun 1972. Usaha meningkatkan Bumiputera dalam bidang profesional menjadi terancam apabila Kolej Tunku Abdul Rahman ditubuhkan sebagai parallel dengan ITM dengan jumlah pelajar seramai 794 dalam tahun 1968, 1034 dalam tahun 1970 dan 1423 dalam tahun 1972.²⁸

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Awang Had Salleh, *op. cit.*, hlm. 29.

Ketegasan kerajaan dalam membela nasib Bumiputera agak longgar pada tahun-tahun 1960-an kerana pemerintah waktu itu lebih mengutamakan kekuahan kuasa politik. Menurut Prof. Zainal Abidin Wahid:

"Sebahagian besar masyarakat Cina menyokong usaha DAP hendak menubuhkan Universiti Merdeka yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Pandangan ini bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan, oleh itu MCA menggunakan hujah, kalau ia tidak menyokong Universiti Merdeka, maka ia kehilangan para pengundi dalam pilihanraya 1969. Justeru itu, MCA mencadangkan supaya ia dibenarkan menubuhkan Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR). Kerajaan Perikatan telah bersetuju dan memberi bantuan kewangan kepada KTAR. KTAR menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar".²⁹

Oleh kerana penumpuan kepada kekuahan kuasa, maka kerajaan telah mengabaikan ketidakseimbangan kaum dalam bidang ekonomi, pendidikan dan sosial. MARA sebagai satu badan amanah Bumiputera tidak dapat memainkan peranan yang besar kerana tidak diberi tanggungjawab dan peruntukan yang banyak untuk melaksanakan tugasnya.

Tragedi 13 Mei 1969 mengemparkan negara. Pemimpin-pemimpin terbangun dari mimpi yang sebelum ini berfikir segalanya berjalan dengan baik. Kesan peristiwa 13 Mei ialah Parlimen digantung, sebagai gantinya, Kerajaan Perikatan telah menubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) untuk mengendalikan kerajaan dalam tempoh

²⁹ Zainal Abidin Wahid, *op.cit*, hlm. 388.

darurat akibat perbalahan kaum. Selain itu sebagai ganti Parlimen, kerajaan mewujudkan Majlis Perundingan Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil dari semua parti politik kecuali DAP. Majlis Perundingan Negara telah berbincang dan cuba mengkaji kenapa peristiwa 13 Mei boleh berlaku. Hasil penyelidikan yang dijalankan amat berfaedah kepada negara.

Usaha yang dijalankan oleh MARA sebelum 13 Mei tidak dapat menyelesaikan masalah perimbangan kaum dalam sektor ekonomi, pendidikan dan ikhtisas. Jumlah kaum bukan Bumiputera melebihi Bumiputera dalam semua jenis iktisas profesional seperti bidang akauntan, arkitek, jurutera dan doktor. Semua bidang profesional ini menjadi tumpuan MARA dalam usaha membantu masyarakat Bumiputera. Jadual 86 menunjukkan kedudukan golongan iktisas pada tahun 1970 mengikut kaum.

Jadual 86
Golongan Ikhtisas Pada Tahun 1970.

Bidang	Bumiputera	Bukan Bumiputera
Akauntan	6.8 %	93.2 %
Arkitek	4.3%	95.7 %
Jurutera	7.6 %	92.4 %
Doktor	3.7 %	96.3 %

Sumber: Di petik Dalam Zainal Abidin Wahid, Malaysia, Warisan Dan Perkembangan, hlm. 388

Merujuk kepada jadual 86, walaupun usaha-usaha dilakukan oleh MARA untuk mengimbangi antara kaum dalam bidang profesional, namun usaha itu kurang berjaya.

Kegagalan ini berlaku kerana kerajaan yang memerintah ketika itu tidak menjalankan usaha yang tegas. Apa yang penting pada kerajaan ketika itu ialah kekuahan kuasa dan bukan kekuahan penguasaan dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Keadaan bertambah daif lagi jika dilihat kepada jumlah pelajar Bumiputera yang menuntut di institusi pengajian tinggi. Misalnya di Universiti Malaya sebelum 1970 ialah 30% pelajar Bumiputera dan di luar negara pelajar Bukan Bumiputera ialah 10%. Manakala hak milik saham syarikat berhad di Semenanjung Malaysia pada tahun 1969 ialah Melayu sebanyak 1.5%, bukan Melayu sebanyak 23.7% dan pelabur asing sebanyak 62.1%.³⁰

Ketidakseimbangan ini telah mencetuskan kesedaran baru kepada pihak kerajaan dan ketidakseimbangan ini memerlukan penyelesaian segera. Justeru itu, kerajaan melalui Majlis Perundingan Negara telah mengubal satu dasar yang diharapkan boleh mengurangkan ketidakseimbangan kalaupun tidak dapat menghapuskannya. Dasar yang digubal dan dipersetujui itu dikenal sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Dengan perlaksanaan DEB, kerajaan telah menyatakan dengan jelas bahawa rancangan pendidikan dijadikan alat untuk perpaduan kebangsaan dan negara, menutup jurang ekonomi dan peluang pekerjaan. Dengan ini bermulalah pengiktirafan pemerintah secara rasmi tentang perlunya dijalankan intervensi dalam usaha mendemokrasikan peluang pendidikan antara kaum-kaum. Usaha tegas pihak kerajaan menjadikan pendidikan sebagai alat untuk mencapai perpaduan dan keseimbangan antar kaum dalam

³⁰ Ibid.

bidang ikhtisas, menyebabkan MARA mengiatkan usaha untuk menambahkan golongan profesional dan separa profesional Bumiputera. Sebelum DEB, telah ada usaha-usaha untuk menambahkan golongan ini tetapi usaha-usaha MARA telah ditenggelami oleh kepesatan golongan bukan Bumiputera.

Dengan sokongan kerajaan, MARA telah mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengimbangi golongan profesional bukan Bumiputera. Langkah yang diambil oleh MARA ialah menghantar pelajar-pelajar Bumiputera yang berkelayakan ke luar negeri dan juga menaja pelajar mengikuti di dalam negeri terutama dalam bidang profesional.

Dalam tempoh perlaksanaan DEB, MARA telah berusaha menaja pelajar Bumiputera dalam bidang profesional, misalnya dalam tempoh tersebut MARA telah menaja seramai 1,867 pelajar dalam bidang kejuruteraan, 837 bidang perubatan, 4,646 bidang sains dan sains Pertanian dan seramai 8,124 dalam bidang Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang . Berbanding dengan pencapaian Bumiputera dalam DEB, peranan MARA masih lagi pada peringkat menambahkan bilangan Bumiputera dalam bidang profesional, bagaimanapun penambahan ini masih tidak dapat lagi mengimbangi kedudukan bukan Bumiputera dalam bidang profesional.

Walaupun pencapaian DEB belum mencapai matlamat yang digariskan iaitu untuk memiliki 30% harta negara, namun dapat dikatakan bahawa DEB telah membuka peluang dan harapan untuk meningkatkan penglibatan bangsa Melayu dalam bidang

ekonomi. Walaupun tidak dinafikan bangsa Melayu begitu luas dalam aktiviti ekonomi negara semasa perlaksanaan DEB, tetapi pencapaian ini masih belum dapat menyamai kekuasaan bukan Bumiputera dalam aspek ekonomi dan juga bidang-bidang profesional. Jadual 87 menunjukkan kedudukan orang Melayu dalam bidang akauntan berbanding dengan kaum-kaum lain dalam bidang profesional.

Jadual 87

Akauntan Berdaftar Mengikut Etnik 1970, 1975, 1979, 1990 dan 1995

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
1970	40 (6.7%)	387(65%)	47(7.9%)	118(19.9%)	592
1975	102 (7.7%)	977(73.8%)	109(8.2%)	136(10.3%)	1324
1979	110 (7.6 %)	1115(77.3%)	105(7.3%)	112(7.7%)	1442
1990	627(11.2%)	4524(81.2%)	346(6.2%)	77(1.4%)	5574
1995	1422(16.1%)	6655(75.3%)	692(7.8%)	75(0.9%)	8844

Sumber: Di Olah Dari Kamarul Ariffin, *Pemikir*, Bil 10, Okt-Dis 1997

Merujuk kepada jadual 87, akauntan Melayu berdaftar pada tahun 1970 ialah seramai 40 orang atau 6.7 % dan jumlah itu meningkat kepada 102 orang atau 7.7% pada tahun 1975. Pada tahun 1978, terdapat 110 orang atau 7.6% akauntan Melayu berdaftar dan meningkat kepada 627 orang atau 11.2% pada tahun 1990.³¹ Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Dasar Ekonomi Baru gagal melahirkan 30% Akauntan Melayu Berdaftar. Sebaliknya, bukan Bumiputera terus menguasai bidang ini terutama kaum Cina iaitu pada tahun 1970, terdapat 387 atau 65% Akauntan Berdaftar dan jumlah ini

³¹ Setelah 5 tahun DEB tamat, Akauntan Melayu berdaftar hanya mencapai 16.1 % sahaja. Ini bermakna, usaha untuk mencapai 30% akauntan Melayu memakan masa yang panjang dan memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh dari masyarakat Melayu.

meningkat kepada 4,524 atau 81.2% pada tahun 1990. Penguasaan bukan Bumiputera dalam bidang ini menunjukkan MARA juga gagal memainkan peranan untuk mencapai matlamat DEB.

Merujuk kepada pemberian biasiswa dalam bidang ini dari tempoh 1971 hingga 1990 MARA membiayai 1,867 pelajar. Manakala jumlah Akauntan Berdaftar kaum Cina pada tahun 1990 seramai 4,524 orang, oleh itu usaha MARA gagal menyaingi kaum Cina, khususnya sebagai Akauntan Bertauliah. Bagaimanapun, MARA memberi sumbangan bermakna kepada bangsa Melayu kerana terdapat dari kalangan pelajar tajaannya seramai 627 menjadi Akauntan Bertauliah. Pada tahun 1990 terdapat 627 Akauntan Melayu Berdaftar sedangkan MARA berjaya menaja 1,867 pelajar dalam bidang akauntan. Justeru itu, peranan MARA hanyalah setakat meramaikan Akauntan Melayu Berdaftar.

Sementara itu dalam bidang Arkitek juga menunjukkan hasrat kerajaan melalui DEB tidak tercapai. Jadual 88 menunjukkan Arkitek Berdaftar mengikut etnik dari tahun 1970 hingga 1995.

Jadual 88

Arkitek Berdaftar Mengikut Etnik 1970,1975,1979,1990 dan 1995

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
1970	12(4.3%)	224(80.8%)	4(1.4%)	37(13.4%)	277
1975	31(6.6%)	408(88.1%)	3(0.6%)	23(4.9%)	463
1979	56(11.0%)	432(85.2%)	6(1.2%)	13(2.6%)	507
1990	231(23.6%)	728(74.4%)	12(1.2%)	8(0.8%)	979
1995	368(27.6%)	943(70.7%)	20(1.5%)	3(0.2%)	1334

Sumber: Diolah dari Kamarul Ariffin, Pemikir, Bil 19 Okt-Dis 1997.

Berdasarkan jadual 88, hanya 12(4.3%) orang arkitek Melayu yang berdaftar pada tahun 1970 dan jumlah ini meningkat kepada 231 (23.6%) orang arkitek Melayu pada tahun 1990. Berbanding dengan kaum Cina pada tahun 1970 seramai 224 (80.8%) arkitek berdaftar dan pada tahun 1990, jumlah Arkitek berdaftar kaum Cina ialah seramai 728 (74.4%) orang berbanding dengan jumlah tajaan MARA dalam bidang Arkitek 1,351 orang. Berdasarkan jumlah tajaan MARA dalam bidang Arkitek, maka dapatlah dikatakan MARA sedaya upaya membantu kerajaan mencapai matlamat DEB. Bagaimanapun, usaha yang dijalankan oleh MARA masih lagi tidak dapat menyaingi kejayaan kaum Cina dalam bidang ini.

Antara bidang yang hampir dicapai oleh kerajaan melalui perlaksanaan DEB ialah dalam bidang perubatan. Jadual 89 dan jadual 90 menunjukkan pencapaian orang Melayu dalam bidang tersebut dari tahun 1970-1990.

Jadual 89

Doktor Gigi berdaftar Mengikut Etnik 1970, 1975, 1979, 1990 Dan 1995

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
1970	20(3.1%)	579(89.1%)	23(5.1%)	18(2.8%)	650
1975	27(2.6%)	792(75.9%)	131(12.6%)	93(8.9%)	1,043
1979	103(9.2%)	734(65.9%)	220(19.7%)	57(5.1%)	1,114
1990	406(2.4%)	847(51.0%)	396(23.8%)	21(1.3%)	1,660
1995	577(30.9%)	854(45.6%)	409(21.9%)	29(1.5%)	1,869

Sumber : Diolah Dari Kamarul Ariffin, *Pemikir*, Bil 10 Okt-Dis 1997.

Jadual 90

Doktor Perubatan Berdaftar Mengikut Etnik 1970, 1975, 1979, 1990 Dan 1995.

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
1970	79(3.7%)	954(44.8%)	857(40.2%)	241(11.3%)	2,131
1975	113(4.4%)	1,247(48.6%)	992(38.7%)	210(8.2%)	2,562
1979	272(8.5%)	1,399(44.2%)	1,338(42.2%)	159(5.0%)	3,168
1990	1951(27.8%)	2,430(34.5%)	2,410(34.4%)	216(3.1%)	7,007
1995	3,212(33.4%)	3,086(32.1%)	3,069(31.9%)	241(2.5%)	9,608

Sumber: Diolah Dari Kamarul Ariffin, *Pemikir*, Bil 10 Okt-Dis 1997.

Merujuk kepada jadual 89 dan jadual 90, jumlah doktor Melayu berdaftar telah hampir mencapai matlamat DEB. Bagaimanapun, matlamat sebenar untuk mewujudkan 30% orang Melayu dalam bidang perubatan telah dicapai pada tahun 1995. Kalau dibandingkan usaha MARA untuk mewujudkan 30% orang Melayu dalam bidang perubatan adalah sangat kecil sumbangannya. Ini kerana jumlah penajaan MARA dalam bidang perubatan dari tahun 1971-1990 ialah seramai 837 pelajar sahaja sedangkan doktor berdaftar pada tanhu 1990 ialah 406 untuk doktor gigi dan 1951 untuk doktor

perubatan. Jumlah penajaan MARA amat kecil berbanding dengan jumlah doktor berdaftar kerana Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memberi keutamaan kepada penuntut-penuntutnya yang mengambil jurusan perubatan. Perlaksanaan DEB tidak semuanya membawa kegagalan, ada juga bidang-bidang profesional yang melebihi dari matlamat, misalnya dalam bidang Doktor Veterina dan Juru Ukur. Jadual 91 menunjukkan jumlah Doktor Veterina yang berdaftar dari tahun 1970-1995.

Jadual 91
Doktor Veterina Berdaftar Mengikut Etnik 1970, 1975, 1979, 1990 dan 1995

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
1970	8(40%)	6(30%)	3(15%)	3(15%)	20
1975	17(38.6%)	16(36.3%)	6(13.6%)	5(11.4%)	44
1979	39(52%)	23(30.6%)	8(10.6%)	5(6.6%)	75
1990	242(35.8%)	160(23.7%)	250(37.0%)	23(3.4%)	675
1995	310(40%)	183(23.7%)	259(33.5%)	20(2.6%)	772

Sumber : Diolah Dari Kamarul Ariffin, *Pemikir*, Bil 10 Okt-Dis 1997.

Jadual 91 menunjukkan kejayaan DEB dalam meningkatkan jumlah doktor di mana kadar doktor veterina berdaftar melebihi 30%. Bagaimanapun, jumlah Doktor Veterina yang berdaftar semakin menurun di kalangan orang Melayu. Pada tahun 1970, 40% Doktor veterina yang berdaftar adalah terdiri dari doktor Melayu dan kadar ini menurun pada tahun 1990 iaitu kepada 35.8% dan sebaliknya peningkatan positif di kalangan orang India. Pada tahun 1970, jumlah Doktor Veterina dari kalangan orang India ialah 15% dan jumlah ini meningkat pada 37% pada tahun 1990. Penguasaan Doktor Melayu dan India dalam bidang veteriana kerana kedua-dua kaum ini lebih dekat

Sebalik kejayaan MARA dalam bidang pendidikan dan latihan kemahiran, terdapat juga beberapa halangan yang membataskan kerjayanya membantu masyarakat Bumiputera. Misalnya dakwaan pelajar-pelajar keluaran Maktab Rendah Sains MARA tidak berkeupayaan bersaing dan berinteraksi selepas mereka keluar dari Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Kecemerlangan akademik yang dicapai di MRSM tidak dapat dipertahankan apabila mereka belajar di institusi luar terutamanya, jika bersaing dengan pelajar-pelajar bukan Bumiputera. Ada di kalangan mereka sudah berpuashati dengan diploma yang diperolehi. Selain itu tidak berupaya menyambung ke peringkat lebih tinggi kerana mereka sudah bekerja dan berpuashati dengan gaji yang dibayar oleh majikan.³²

Pelajar-pelajar MRSM juga didakwa kurang berupaya menguasai bahasa Inggeris. Pada hal kemudahan mempelajari bahasa Inggeris banyak MRSM.. Ketidakmampuan menguasai bahasa Inggeris disebabkan persekitaran dan pergaulan yang tidak merangsang mereka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Kalau dilihat dari segi pencapaian akademik, keputusan peperiksaan subjek bahasa Inggeris amat membanggakan. Justeru itu, ketidakmampuan menguasai bahasa Inggeris ini menyebabkan kebanyakan mereka memilih universiti tempatan sedangkan mereka terlalu

³² Temubual dengan bekas pelajar MRSM Kota Bharu, En. Baharum Hamed. En. Baharun menjelaskan, "walaupun memiliki diploma, saya mendapat gaji yang agak lumayan iaitu RM2000.00 sebulan, oleh kerana gaji yang lumayan, maka tuntutan untuk belajar lebih tinggi lagi terpaksa diabaikan kerana bimbang mengenai masa depan kalau meletakkan jawatan untuk menyambung pelajaran. Insyaallah saya akan sambung jika ada kesempatan.

amat layak untuk memasuki universiti luar negara . situasi ini merugikan MARA kerana terpaksa mencari pelajar lain untuk ditaja belajar di luar negeri.

Kegagalan MARA yang paling besar ialah melatih sumber manusia yang dihasilkan melalui program pendidikan tidak diasuh atau tidak dihalakan untuk menjadi usahawan. Pada hal matlamat MARA adalah untuk melatih Bumiputera yang berjaya. Dalam kegairahan mengejar kecemerlangan akademik, MARA telah lupa mengasuh pelajarnya yang pintar meminati bidang usahawan sedangkan mereka inilah kumpulan sasaran yang berkeupayaan untuk dirancang dan dibimbing ke arah itu. Justeru itulah, didapati kurang pelajar MRSM yang terlibat sebagai usahawan dan kebanyakan mereka ialah tenaga profesional yang bekerja dengan syarikat-syarikat swasta di seluruh negara

Di samping masalah pelajar lepasan MRSM, MRSM juga menghadapi masalah untuk mendapatkan guru-guru yang bertauliah terutama sekali dalam bidang sains dan matematik. Kesukaran ini dialami kerana kurangnya siswazah yang mengambil matapelajaran tersebut yang mahu menceburkan diri dalam lapangan perguruan. Tambahan lagi permintaan siswazah dalam bidang tersebut amatlah tinggi di dalam industri dan jabatan kerajaan yang lain. Selain itu keengganan siswazah menceburkan diri di MRSM kerana kurang yakin kepada prospek kerja di MRSM. Perkhidmatan di MRSM adalah merupakan perkhidmatan yang tertutup di mana peluang-peluang kenaikan

pangkat boleh dikatakan tiada langsung jika dibandingkan dengan guru di Kementerian Pendidikan di mana guru boleh meningkat dari satu peringkat ke satu peringkat.³³

Latihan kemahiran yang dianjurkan oleh MARA juga sering mendapat kritikan dan isu ini sering ditimbulkan. Antara isu kritikan yang timbul terhadap kursus anjuran IKM dan Pusat Giat MARA ialah ketidaksesuaian kemahiran yang diberikan oleh IKM dan PGM dengan permintaan industri sebenar, kurangnya bekerjasama dengan pihak industri, teknologi yang diajar di institusi latihan MARA sudah ketinggalan zaman dan kurangnya bekas pelajar IKM dan PGM yang menjadi usahawan. Isu-isu ini kalau tidak diselesaikan segera akan merugikan MARA dan juga masyarakat Bumiputera amnya. Daripada kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa negara kita dijangka akan mengalami kekurangan tenaga mahir di masa akan datang. Oleh itu adalah wajar bagi pihak MARA mempertingkatkan lagi aktiviti pengeluaran tenaga mahir yang terlatih diberbagai bidang dan peringkat sebagai sumbangan kepada perkembangan industri yang akan menerajui ekonomi negara menjelang tahun 2020.

Masalah yang menghantui MARA sehingga menjadikannya prestasi ialah masalah pembayaran balik hutang pinjaman pelajaran dan juga perniagaan. Sehingga Ogos 1991, dilaporkan MARA masih belum dapat mengutip sejumlah RM386 juta hutang daripada para pelajar tajaannya dan usahawan Bumiputera sejak tahun 1966.³⁴ MARA telah

³³ Masalah kekurangan guru yang terlatih dapat juga diatasi apabila MARA membawa masuk guru-guru daripada Filipina, Britain dan Amerika. Lihat *Penyata Tahunan MARA 1972*, hlm. 72. MARA juga mengambil siswazah yang berkelayakan untuk menjadi guru MRSM walaupun tidak memiliki Diploma pendidikan. Guru-guru yang tidak terlatih ini, MARA telah mengadakan kerjasama dengan beberapa universiti untuk melatih guru-guru MRSM dalam bidang pendidikan. Antara universiti yang terlibat ialah Michigan State Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

³⁴ *Utusan Malaysia*, 14 November 1991.

berusaha untuk mengutip hutangnya tetapi gagal memungut sepenuhnya hutang tersebut. Kegagalan ini kerana MARA dikatakan tidak tegas dan terlalu bertimbang rasa dengan pembiutangnya. Kadar bayaran balik pinjaman pendidikan MARA disifatkan terlalu murah hati. MARA gagal memujuk lebih 16,488 pelajar tajaannya untuk membayar balik pinjaman mereka. Bayaran minimum antara RM50.99-RM100 masih tidak dibayar oleh mereka yang telah bergaji lumayan. Kurang akur pelajar-pelajar tajaan membayar balik hutang pinjaman pendidikan telah menyulitkan MARA untuk mengeluarkan pinjaman baru tanpa terlebih dahulu meminta lebih banyak peruntukan tahunan dan pinjaman daripada kerajaan. Masalah pembayaran hutang MARA telah menarik perhatian Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohammad. Beliau telah mengupas masalah ini dan disiarkan dalam akhbar *Berita Harian* bertarikh 8 Oktober 1995 seperti berikut:

"MARA harus memupuk kepada pembentukan peribadi dan etika ahli perniagaan Bumiputera kerana perkara ini lebih penting dari modal ... Saya mendengar sendiri kenyataan beberapa pemimjam MARA yang mempunyai peribadi tidak sesuai kononnya mereka tidak perlu membayar hutang kepada MARA kerana mereka beranggapan MARA milik mereka".³⁵

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri mencadangkan kepada MARA menumpukan latihan etika perniagaan di institusi pelajaran yang dianjurkan oleh MARA dalam apa jua bidang. Saranan Perdana Menteri itu amat penting kerana masalah pembayaran hutang oleh peminjam MARA samada pinjaman perniagaan atau pinjaman pelajaran bukan disebabkan mereka tidak mempunyai wang tetapi meraka menghadapi masalah etika.

³⁵ *Berita Harian*, 8 Oktober 1995.

Kebanyakan mereka yang berjaya tidak setia dengan bantuan MARA dan oleh sebab itu lah hutang menjadi masalah besar MARA sehingga menjaskan reputasinya.

Lanjutan kritikan Perdana Menteri, MARA telah menubuhkan Bahagian Kawalan Kredit sebagai bank data untuk memungut kembali pinjaman yang dikeluarkan. Peranan bank data ialah mengemaskinikan butiran peminjam setiap bulan dan sekaligus memudahkan MARA mengesan peminjam yang berdegil. Ketua Perhubungan Korporat MARA, Bisnu Majnis menjelaskan: kebelakangan ini pembayaran balik pinjaman sama ada perniagaan dan pelajaran semakin baik berbanding sebelumnya, ini adalah kerana kewujudan bank data oleh Bahagian Kawalan Kredit.³⁶

Ketegasan MARA memungut hutang telah dijelaskan oleh Pengerusinya iaitu En. Othman Abdul, beliau menjelaskan:

“Pihaknya (MARA) akan meneruskan usaha mengutip balik hutang yang tertunggak kira-kira RM 300 juta tanpa sebarang pengecualian kepada sesiapa Jumlah hutang tertunggak ialah kira-kira RM 200 juta pinjaman perniagaan dan RM100 juta pinjaman pendidikan”.³⁷

Ketegasan MARA memungut hutangnya terbukti apabila seramai kira-kira 3,000 peminjam pelajaran MARA dikenakan pelbagai tindakan termasuk didakwa di mahkamah. Proses untuk mendapatkan balik pinjaman pelajaran agak mudah berbanding dengan pinjaman perniagaan. Ini kerana kebanyakan yang menerima pinjaman pelajaran

³⁶ Berita Harian, 8 Okt. 1995.

³⁷ Ibid

adalah mereka yang berjaya tetapi berdegil untuk membayar balik pinjaman mereka dan bagi mereka yang meminjam kerana perniagaan agak sukar, kerana ada di kalangan mereka yang tidak berjaya dalam bidang perniagaan dan golongan yang berani menerima risiko di mahkamah.

Setiap pinjaman yang dikeluarkan oleh MARA mesti mempunyai penjamin, samada keluarga terdekat ataupun bukan. Bagi pinjaman pendidikan, ibuapa biasanya menjadi penjamin manakala untuk perniagaan, penjamin tidak semestinya daripada ahli keluarga dan bilangannya tertakluk kepada jumlah pinjaman tersebut. Justeru itu, pembayaran balik pinjaman pelajaran lebih mudah kerana penjaminnya dari kalangan ibu bapa. Bagi pinjaman perniagaan, pembayaran balik agak sukar walaupun dibawa ke mahkamah kerana prosesnya yang agak rumit. Penjamin boleh didakwa setelah MARA gagal mendapatkan pembayaran balik pinjaman daripada peminjam. Bagaimanapun mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara, MARA boleh mendakwa penjamin setelah setahun MARA berusaha dengan pelbagai cara dari peminjam tetapi gagal mendapat bayaran balik pinjaman.

Di samping masalah hutang yang belum selesai, MARA juga menghadapi masalah kerugian anak syarikatnya. Laporan Tahunan MARA 1989 berakhir pada 31 Disember menunjukkan bahawa 19 daripada 32 anak syarikat serta syarikat bersekutu MARA menanggung kerugian terkumpul berjumlah lebih RM98.7 juta. Bagaimanapun jumlah tersebut adalah satu penurunan berbanding dengan tahun 1988 apabila MARA mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM193.5 juta. Pada tahun 1987, kerugian

terkumpul MARA ialah RM 75.3 juta.³⁸

Dari segi sejarah, kemajuan dan kemunduran MARA terletak dia atas kebijaksanaan pengerusinya. Pada permulaan penubuhan MARA, orang yang memainkan peranan penting dalam menjayakan MARA ialah Pengerusi MARA dan kumpulan sokongannya. Tan Sri Ishak Tadim menjelaskan:

"Antara tokoh yang memainkan peranan penting dalam sejarah pembentukan MARA ialah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak³⁹ dan Encik Ghafar Baba".⁴⁰

Encik Ghafar Baba (kini Tun Ghafar Baba) di lantik sebagai Pengerusi MARA pada tahun 1967 adalah orang politik⁴¹ yang pertama menjadi Pengerusi MARA. Sementara itu, dua bekas pengerusi sebelum ini terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan iaitu Dato' Abdul Rahman Musa dan Tan Sri Taib Haji Andak. Pengerusi selepas Ghafar Baba ialah orang politik kecuali Dato Mohd Riduan Abdul Halim (Ketua Pengarah MARA memangku Pengerusi MARA buat sementara menunggu perlantikan Pengerusi). Pengerusi MARA dari tahun 1966-1998 ialah:

³⁸ *Utusan Malaysia*, 14 November 1991.

³⁹ Pada 16 November 1991 – Bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dianugerahkan Tokoh Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebagai jasanya membantu meningkatkan ekonomi Bumiputera melalui penubuhan MARA. Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad sendiri manyampaikan anugerah tersebut kepada bala Allahyarham, Tun Hajjah Rahah Tan Sri Mohd. Noah dalam Majlis Sambutan Perayaan Ulang Tahun ke 25 MARA di Dewan Merdeka, PWTC.

⁴⁰ *Utusan Malaysia*, 16 November 1991.

⁴¹ Mohd. Taib Osman (et.al), Ghafar Baba: kupasan Oleh Cendikiawan, Gateway Publication, 1993, hlm. 39.

Pengerusi MARA dari Tahun 1966-1998

Nama	Perlantikan
Datuk Abdul Rahman Musa	1 Dis 1965 – 7 Jun 1967
Tan Sri Taib Musa	8 jun 1967 – 31 Ogos 1967
Tun Abdul Ghafar Baba	1 Sept 1967 – 31 Sept 1971
Tan Sri Mustapha Jabar	1 Nov 1971 – 31 jan 1973
Abdul Aziz Mohd Ali	1 Feb 1973 – 17 Sept 1973
Ahmad Haji Abdul Rahim	18 Sept 1973 – 30 Sept 1974
Sulaiaman Osman	1 Okt 1974 – 31 Mei 1975
Tan Sri Abdul Aziz Yeop	1 Julai 1975 – 23 Ogos 1978
Dr. Nawawi Mat Awin	1 Nov 1978 – 15 Okt 1982
Haji Abdul Rahim Bakar	16 Okt 1982 – 16 Julai 1984
Dato Mohd Ridzuan Abdul Halim	17 julai 1984 – 17 Ogos 1984
Datuk Tajol Rosli Ghazali	18 Ogos – 31 Ogos 1986
Datuk Khalid Yunus	1 Sept 1986 – Okt 1987
En. Ismail Said	Okt 1987 – Dis 1990
Mohd Tamrin Abdul Ghafar	1 Jan 1991 – Jan 1993
Dato Mohd Nazri Tan Sri Aziz	17 Mac 1993 – 23 Julai 1995
Othman Abdul	24 Julai 1995 – 31 Mac 1998
Ruhanie Ahmad	1 April 1998

Sumber: Bahagian Koporat MARA

Pada peringkat penubuhan MARA, orang yang paling berjaya ialah Ghafar Baba. Tunku Abdul Rahman telah berjaya memujuk Ghafar Baba menjadi Pengerusi MARA. Pada ketika itu, Ghafar Baba selaku Ketua Menteri Melaka. Akhirnya Ghafar Baba memberi persetujuan untuk memegang jawatan Pengerusi MARA pada 1 September 1967.⁴² Beliau dilantik untuk memegang jawatan ini kerana beliau mempunyai banyak

⁴² Abdul Latif Abu Bakar, "Penderitaan dan Perjuangan," dlm Mohd Taib Othman (et. Al), op. cit, hlm 32.

idea untuk memajukan masyarakat Bumiputera. Memandangkan tugas beliau sebagai Penggerusi MARA adalah berat, Ghafar Baba telah meletak jawatannya sebagai Ketua Menteri Melaka pada 5 Oktober 1967 untuk menumpukan sepenuh masa menyusun strategi dan rancangan bagi memulihkan kehidupan ekonomi orang Melayu.

Dalam matlamat untuk memenuhi objektif penubuhan MARA, Ghafar Baba memberi sumbangan yang tidak ternilai jasanya terutama dalam menggalakkan masyarakat Bumiputera mengejar pendidikan. Selama beliau menjadi Penggerusi MARA, beliau telah membantu kerajaan untuk menubuhkan sebuah institusi yang dikhaskan kepada anak-anak Bumiputera iaitu Institut Teknologi Malaysia. Di Institut ini, nanti, anak-anak Bumiputera akan diambil supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran mereka di dalam bidang profesional.⁴³ Di samping penubuhan ITM, Ghafar Baba memulakan tindakannya yang terkenal iaitu penubuhan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) iaitu MRSM Seremban, Negeri Sembilan dan MRSM Pengkalan Chepa, Kelantan. Semasa merasmikan MRSM, Ghafar Baba menerangkan bahawa tujuan maktab ini ialah untuk meramaikan bilangan pelajar Melayu akan mengikuti jurusan sains di universiti, membimbing penuntut terbaik ke arah bidang sains dan teknologi dan menjadi pelopor dalam usaha menambahkan bilangan tenaga profesional.⁴⁴ Idea yang dicetuskan oleh Ghafar Baba tersebut telah mendatangkan hasil yang membanggakan kerana MRSM telah berjaya melahirkan teknokrat Bumiputera, malahan MRSM ialah lambang kejayaan Bumiputera dalam bidang sains dan teknologi.

⁴³ Robiah Sidin, "Pendidikan dan Pembentukan Watak," dlm Mohd. Taib Othman, *op. cit*, hlm. 186.

⁴⁴ *Ibid*.

Di samping peranannya dalam pendidikan, Ghafar Baba menggunakan MARA sebagai alat utama menyediakan masyarakat Bumiputera dengan dunia perniagaan dan perusahaan. Beliau mula mengatur rancangan-rancangan supaya MARA mempergiatkan kegiatan memberi kemudahan kredit, khidmat perundingan dan nasihat, latihan kemahiran, profesional dan vokasional supaya lebih ramai masyarakat Bumiputera memperolehi faedah darinya. MARA juga dianjurkan supaya melibatkan diri secara langsung di dalam beberapa aktiviti perniagaan dan perusahaan. Sebagai contoh, di dalam kegiatan memberi kemudahan kredit, MARA mengeluarkan jumlah pinjaman yang lebih besar selepas 1967 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 1968, MARA mengeluarkan pinjaman sejumlah RM7.8 juta berbanding dengan kira-kira RM4.7 juta pada tahun sebelumnya.⁴⁵ Jumlah itu meningkat kepada RM 9 juta pada tahun berikutnya.⁴⁶ Meningkat kepada RM12.3 juta pada tahun 1970⁴⁷ dan seterusnya menjadi RM14.9juta pada tahun 1971.⁴⁸ Pertambahan dalam peruntukan pinjaman ini merupakan sesuatu yang amat dinantikan oleh peniaga-peniaga Melayu pada masa itu. Walaupun demikian, sebahagian besar daripada pinjaman itu dikeluarkan untuk perusahaan dan perdagangan kecil.

Bersama-sama dengan langkah menambah peruntukan bantuan pinjaman, beberapa langkah pentadbiran mustahak juga dilaksanakan. Misalnya, arahan mempercepatkan pemerosesan permohonan pinjaman. Ghafar Baba mengarahkan supaya

⁴⁵ *Laporan tahunan MARA 1968*, hlm. 13.

⁴⁶ *Laporan tahunan MARA 1969*, hlm. 1.

⁴⁷ *Laporan tahunan MARA 1970*, hlm. 31.

⁴⁸ *Laporan tahunan MARA 1971*, hlm. 11.

pinjaman kecil yang jumlahnya tidak melebihi RM5,000.00 diproses dalam masa 9 hari. Karenah pentadbiran dikurangkan, bahkan Ghafar Baba menganjurkan supaya pegawai-pegawai MARA daerah menemui sendiri pemohon-pemohon dan kalau boleh, selesaikan perkara itu di situ juga, jangan menunggu pemohon-pemohon datang ke pejabat mereka.⁴⁹ Langkah ini diambil ekoran daripada sungutan sungutan ramai pemohon bahawa MARA mengambil masa yang lama untuk menimbangkan permohonan-permohonan pinjaman .

Selain Encik Ghafar Baba, terdapat beberapa pengerusi MARA yang menyerlah apabila menduduki kerusi Pengerusi MARA. Antaranya ialah Datuk Tajol Rosli, Dato' Khalid Yunus, Tamrin Ghafar, Datuk Nazri Aziz dan Datuk Othman Abdul. Di samping itu, tidak kurang juga Pengerusi MARA yang harus menyepi setelah tamat tempoh perkhidmatannya sebagai pengerusi MARA. Ini adalah kerana segala tindak tanduk pengerusi-pengerusi MARA bukan sahaja mendapat perhatian umum malah menjadi ingatan. Ada di antara mereka yang arif memungut hutang, ada yang memberi tumpuan kepada perkembangan pendidikan dan ada juga yang memberi penekanan kepada pembangunan usahawan.⁵⁰

⁴⁹ *Utusan Melayu*, 22 Mei 1971.

⁵⁰ Sarimah Othman, "Nasib pengerusi MARA", dlm *MASSA*, Bil 134 (18 April – 24 April 1998), Utusan Melayu Malaysia Berhad, hlm. 16.

Kebolehan seseorang tokoh politik menerajui MARA akan menentukan masa depan politik seseorang pengerusi MARA. Justeru itu, kedudukan sebagai pengerusi MARA akan menjadi batu loncatan kepada jawatan yang lebih berpengaruh. Kalau disingkap dari sudut sejarah, ramai daripada bekas Pengerusi MARA telah menjadi pemimpin yang berpengaruh di Malaysia. Antaranya ialah Tun Abdul Ghafar Baba, dari menjadi Pengerusi MARA pada tahun 1967-1971, akhirnya beliau menjadi Menteri dan seterusnya menjadi Timbalan Perdana Menteri. Datuk Tajol Rosli Ghazali, Pengerusi MARA pada tahun 1984-1985, menjadi Tmbalan Menteri serta Menteri seterusnya Menteri Besar Perak pada tahun 1999. Datuk Khalid Yunus, Pengerusi MARA (1986-1987) menjadi Timbalan Menteri Pendidikan. Seterusnya Datuk Mohd. Nazri Aziz, dari Pengerusi MARA ke jawatan Menteri Pembangunan Usahawan.

Di samping itu, ada juga Pengerusi MARA yang tenggelam dan terus menyepi dalam arena kepimpinan negara. Antaranya ialah Ismail Said dan Mohd Tamrin Abdul Ghafar. Kedua-dua tokoh ini memberi sumbangan kepada kemajuan MARA tetapi tindakannya tidak popular di kalangan orang Melayu. Tamrin Ghafar, dalam beberapa tindakannya, misalnya isu pembelian keahlian Kelab Golf Rahman Putra dan Pembelian Kondominium La Chateau⁵¹ menimbulkan isu kontroversi dan sekaligus mengugat kedudukan MARA Pembelian kedua-dua aset ini telah menimbulkan keraguan dan tidak menguntungkan rakyat jelata Bumiputera. Justeru itu tindakan Tamrin tidak disifatkan

⁵¹ *Ibid*

sebagai membela masyarakat Bumiputera keseluruhannya dan kerana itu, jasanya telah dilupai dan potensi politiknya terus tergugat.

Pengerusi MARA yang berjaya sebagai pemimpin disegani dan dihormati kerana jasa membela masyarakat umum Bumiputera. Segala perancangan mereka membantu menaikkan taraf hidup masyarakat Bumiputera dan serentak dengan itu menaikkan imej MARA di mata masyarakat. Datuk Tajol Rosli ketika menjadi Pengerusi MARA mengiatkan usahanya memungut tunggakan hutang RM100 juta dan memperkenalkan sistem baru mengatasi hutang lapuk. Datuk Khalid Yunus pula terkenal dengan tindakannya untuk menambah bilangan Maktab Rendah Sains MARA dan Pusat Giat MARA. Datuk Nazri Aziz pula terkenal dengan usahanya membangunkan pendidikan anak-anak Bumiputera. Oleh kerana populariti Pengerusi MARA dalam menyelesaikan masalah dan merancang aktiviti untuk pembangunan masyarakat Bumiputera, maka Pengerusi MARA itu jadi terkenal dan tidak hairanlah dalam perhimpunan agung UMNO, Pengerusi MARA sentiasa terpilih sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO (MKT).

Dalam pada itu, tidak semua anak didik MARA terlibat dalam kepimpinan UMNO, ada juga di kalangan bekas pelajarnya menyertai Parti Islam SeMalaya {PAS}. Dalam pilihanraya ke-10, bekas pelajar MRSM, Mohd. Apandi Mohammad⁵² bertanding atas tiket parti PAS menentang Datuk Mustapha Mohammad, Menteri Pembangunan Usahawan yang bertanding atas tiket Barisan Nasional, Datuk Mustapha Mohammad mempertahankan kawasan tersebut dan dijangka memenangi pilihanraya tersebut dengan mudah. Bagaimanapun, Mohd Apandi telah muncul sebagai “giant killer” apabila memperolehi undi sebanyak 15,523 untuk menewaskan Datuk Mustapha dengan majoriti 693 undi. Walaupun kemenangan tipis yang diperolehi oleh Mohd. Apandi, namun penduduk di kawasan tersebut berbangga kerana anak tempatan telah berjaya menjadi wakil rakyat.

Kejayaan Mohd. Apandi bukan setakat menjadi wakil rakyat tetapi juga sebagai korporat. Sebelum bertanding dalam pilihan raya, Mohd .Apandi dianugerahkan Anugerah Usahawan Muda anjuran Kementerian Belia dan Sukan Beliau menjalankan firma perunding ukur tanah sebagai kerjaya awalnya dan kini sebagai wakil rakyat yang akan berkhidmat untuk rakyat. Kejayaan yang dicapai oleh Mohd.Apandi adalah satu contoh pencapaian MARA melalui pendidikan anjurannya.

⁵² Mohd Apandi Mohammad ialah pelajar perintis Maktab Rendah Sains MARA Pengkalan Chepa dari tahun 1973-1977. Pada tahun 1977, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang Ukur Tanah. Beliau dianugerahkan Ijazah Ukur Tanah dari UTM pada tahun 1978. Pada tahun 1993-1995, beliau melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana dalam bidang pentadbiran perniagaan dan dianugerahkan ijazah tersebut pada tahun 1995.

Anak didik MARA khususnya lepasan MRSMP bukan setakat berbekalkan tenaga profesional muda kepada negara tetapi juga memainkan peranan yang besar kepada pembangunan negara. Ini dapat dibuktikan apabila terbentuknya Gabungan Persatuan Pelajar Lepasan Maktab Rendah Sains MARA atau ANSARA (Anak Sains MARA).⁵³ Kemunculan ANSARA⁵⁴ tepat pada sumbangan golongan profesional serta cendikiawan untuk mengerakkan negara seterusnya merealisasikan harapan dan wawasan kerajaan untuk membentuk Malaysia yang maju dalam ertikata yang sebenarnya menjelang tahun 2020 serta dekad seterusnya.

Ahli-ahli ANSARA telah ditempa dan di didik oleh MARA pada suatu ketika dulu dan kini sebilangan mereka adalah berumur dalam lingkungan 18-35 tahun, mempunyai pendidikan akademik tinggi daripada pelbagai institusi pendidikan di dalam dan di luar negeri dan kini mereka telah berkhidmat di syarikat-syarikat swasta, badan-badan kerajaan dan separa kerajaan. Yang lebih penting, mereka adalah merupakan golongan yang bertanggungjawab untuk memajukan masyarakat Bumiputera dan

⁵³ Cetusan idea penubuhan ANSARA telah dicetuskan oleh Datuk Jamaluddin Hamid (Pengarah Bahagian Pelajaran Menengah MARA) pada tahun 1989 kepada beberapa orang bekas pelajar perintis MRSMP. Datuk Jamaluddin mencadangkan supaya sebuah persatuan ditubuhkan untuk mengabungkan ke semua lepasan MRSMP. Ekoran daripada itu, maka satu jawatankuasa Pro-Tern telah ditubuhkan. Untuk mengekalkan identiti MRSMP masing-masing, maka pihak Pro-Tern telah bersetuju setiap MRSMP menubuhkan Persatuan pelajar masing-masing sebelum penubuhan Persatuan gabungan. Justeru itu, Jawatankuasa Pro-Tern dan pegawai Bahagian Pelajaran Menengah seperti En. Ramli, En. Ikram dan En. Alias telah berusaha mengadakan satu perjumpaan pelajar-pelajar lepasan MRSMP. Akhirnya pada 14 Februari 1993, majlis gemilang telah diadakan untuk mengumpul pelajar lepasan MRSMP. Majlis tersebut dirasmikan oleh Yb. Dato' Dr. Mohd Yunus Noor, Menteri Perusahaan Awam. Seramai 1,000 orang lepasan MRSMP telah hadir di majlis ini. Lanjutan daripada itu, ANSARA telah memohon untuk mendaftarkan persatuan ini secara rasmi. Akhirnya pendaftaran rasmi ANSARA telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada Disember 1993. Makalah Terbitan ANSARA, 1995.

⁵⁴ Setakat tahun 1995, ANSARA mempunyai lapan buah ahli gabungan yang berdaftar secara rasmi dengan Pendaftar Pertubuhan; Ahli gabungannya ialah PPLM Kota Bharu, Seremban, Kulim, Kuantan, Kuala Terengganu, Perlis , Jasin dan Taiping.

merealisasikan harapan negara terutama untuk mencapai wawasan 2020. Ini kerana mereka semua lahir dari Dasar Ekonomi Baru dan dibantu mereka pula untuk mencapai wawasan 2020.